**GTFO**

**DASAR KUKI**

Terakhir dikemas kini: 9 Disember 2021

Untuk tujuan Dasar Kuki ini, "**kami**", "**kita**" dan "**milik kami**" bermaksud 10 Chambers AB, sebuah syarikat yang bertempat di Drottninggatan 95A, 113 60 Stockholm, Sweden. Untuk tujuan sebarang data peribadi yang dikumpulkan oleh kami melalui kuki di laman web kami https://gtfothegame.com/, kami ialah pengawal data. Anda boleh mendapatkan butiran kami yang berkenaan dengan GTFO ("**Perkhidmatan**") dan cara kami menggunakan data tersebut dalam dasar privasi. Anda boleh menghubungi kami di privacy@10chambers.com dan pegawai perlindungan data kami boleh dihubungi di privacy@10chambers.com.

Kami menggunakan kuki, tag piksel, dan fail atau teknologi yang serupa untuk mengumpul dan menyimpan maklumat yang dikumpulkan oleh kami secara automatik mengenai peranti anda dan penggunaan Perkhidmatan. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai kuki dan cara pengawalannya dalam maklumat di bawah.

Untuk bidang kuasa di mana ia dikehendaki secara sah, sila ambil perhatian bahawa kami hanya menggunakan kuki tadak perlu dengan persetujuan anda.

Jika anda tidak menerima penggunaan kuki yang dinyatakan dalam Dasar Kuki ini, sila nyahaktif menggunakan arahan di bawah dan menukar tetapan pelayar anda supaya kuki dari Perkhidmatan tidak boleh ditempatkan pada peranti anda.

## 1. Apakah itu kuki?

Kuki ialah fail teks yang mengandungi sejumlah kecil maklumat yang dimuat turun ke pelayar atau peranti anda apabila anda melawati alamat web tertentu. Kuki kemudian dihantar kembali ke alamat web asal pada setiap lawatan berikutnya, atau ke alamat web lain yang mengenali kuki tersebut. Kuki digunakan secara meluas untuk mendayakan Perkhidmatan, atau berfungsi dengan lebih cekap, serta menyediakan maklumat kepada pasukan Perkhidmatan.

Kuki melakukan pelbagai fungsi seperti membenarkan anda menavigasi antara halaman dengan cekap, mengingati log masuk dan pilihan anda, dan secara amnya menambah baik pengalaman pengguna. Kuki boleh memberitahu kami, sebagai contoh, sama ada anda telah mengakses atau menggunakan Perkhidmatan sebelum ini atau sama ada anda merupakan pengunjung atau pengguna baharu. Kuki juga boleh membantu memastikan bahawa pengiklanan yang anda lihat dalam talian adalah lebih relevan bagi anda dan minat anda. Kuki boleh membantu kami melindungi keselamatan data kami dan perkhidmatan dan mengesan penipuan tersebut, penggodaman dan kepalsuan terhadap produk dan perkhidmatan. kami. Kuki juga boleh menyimpan maklumat tiket, yang boleh digunakan oleh pelayan untuk mengesahkan sama ada log masuk dilakukan sendiri secara bebas. Maklumat yang disulitkan dalam tiket juga boleh digunakan untuk mengelak pelbagai jenis serangan, kecurian maklumat silang laman, dan akses melalui penyamaran.

Terdapat dua kategori kuki yang luas:

- **Kuki pihak pertama,** disampaikan terus oleh kami ke peranti anda.
- **Kuki pihak ketiga,** yang disampaikan oleh pihak ketiga bagi pihak kami.

Kuki boleh kekal pada pelayar atau peranti anda untuk tempoh masa yang berbeza. Sesetengah kuki ialah 'kuki sesi', yang bermaksud bahawa ia wujud hanya semasa pelayar atau aplikasi anda dibuka. Ia dipadamkan secara automatik sebaik sahaja anda menutup pelayar atau aplikasi anda. Kuki lain ialah 'kuki kekal', yang bermaksud bahawa ia terus wujud walaupun pelayar atau aplikasi anda telah ditutup. Kuki jenis ini boleh digunakan oleh Perkhidmatan untuk mengenali peranti anda apabila anda berkunjung dan menggunakan Perkhidmatan berulang kali.

## 2. Bagaimanakah kami mengguna kuki?

Kami mengguna kuki untuk:

- memahami bilangan pengunjung ke Perkhidmatan secara berterusan dan jenis peranti;
- menambah baik produk dan perkhidmatan kami serta menyediakan data rujukan untuk penyelidikan dan pembangunan produk atau fungsi baharu; dan
- menjejak perubahan dan reaksi pengguna terhadap iklan untuk Perkhidmatan yang ditempatkan di laman web pihak ketiga.

## 3. Apakah jenis kuki yang kami gunakan?

Jenis kuki berkaitan dengan Perkhidmatan yang digunakan oleh kami dan rakan kongsi boleh dikelaskan ke dalam kategori yang berikut, iaitu ‘kuki perlu’, ‘kuki kefungsian’, ‘kuki analitik dan prestasi’ dan ‘kuki menyasar dan pengiklanan ’. Kami telah memasukkan beberapa maklumat lanjut mengenai setiap kategori, dan tujuan kuki yang kami dan pihak ketiga tetapkan dalam jadual yang berikut.

| Jenis kuki | Fungsinya dan jenis data ia proses | Tempoh kuki | Kuki Pihak Pertama atau Pihak Ketiga | Cara untuk Mengawal Kuki |
|---|---|---|---|---|
| **Kuki Kefungsian** | | | | |
| test_cookie | Digunakan untuk menyemak sama ada pelayar pengguna menyokong kuki. | 1 hari | Ketiga (Double Click) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| CookieConsent | Digunakan untuk menyimpan keadaan persetujuan kuki pengguna untuk domain. | 6 bulan | Pertama (CookieBot) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| PERSETUJUAN | Digunakan untuk mengesan sama ada kategori pemasaran dalam sepanduk kuki telah diterima oleh pengguna. | 2 tahun | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| **Kuki Prestasi / Analitik** | | | | |
| _ga | Digunakan untuk statistik Google dan untuk menjejak tingkah laku pengguna untuk menganalisis data klik atau paparan halaman, dan paparan halaman. | 13 bulan | Pertama (Google Analytics) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| _gid | | 1 hari | Pertama (Google Analytics) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| _gat | Digunakan untuk mengumpul maklumat tentang cara pelawat menggunakan laman web kami. Kami menggunakan maklumat untuk kompil laporan dan membantu kami menambah baik laman web. | Sesi | Pertama (Google Analytics) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| IDE | Digunakan untuk mengukur keberkesanan iklan dan untuk memaparkan iklan bersasar kepada pengguna. | 1 tahun | Ketiga (Doubleclick) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| VISITOR_INFO1_LIVE | Digunakan untuk menganggarkan lebar jalur pengguna pada halaman dengan video YouTube bersepadu. | 179 hari | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| **Kuki Menyasar Dan Kuki Pengiklanan** | | | | |
| pagead/landing | Digunakan untuk mengumpul data untuk memaparkan iklan yang lebih relevan dan untuk melaraskan kekerapan iklan yang sama dipaparkan. | Sesi | Ketiga (Double Click) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| ads/ga-audiences | Digunakan untuk melibatkan semula pelawat berdasarkan tindakan pelawat di laman web yang berbeza. | Sesi | Ketiga (Google) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| pagead/landing | Digunakan untuk mengumpul data tingkah laku pelawat daripada berbilang laman web untuk memaparkan iklan yang lebih relevan dan untuk melaraskan kekerapan iklan yang sama dipaparkan. | Sesi | Ketiga (Google) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| _gcl_au | Digunakan untuk mencuba kecekapan pengiklanan di seluruh laman web. | 3 bulan | Pertama (Google AdSense) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | | **memadam kuki’** di bawah. |
| YSC | Digunakan untuk menjejaki video Youtube yang telah ditonton oleh pengguna. | Sesi | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt.innertube ::nextId | | Kekal | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt.innertube ::requests | | Kekal | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt-remote-cast-available | Digunakan untuk menyimpan pilihan pemain video pengguna untuk video YouTube yang terbenam. | Sesi | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt-remote-cast-installed | | Sesi | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt-remote-connected-devices | | Kekal | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt-remote-device-id | | Kekal | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |
| yt-remote-fast-check-period | | Sesi | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **‘Cara untuk mengawal atau memadam kuki’** di bawah. |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| yt-remote-session-app | | Sesi | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |
| yt-remote-session-name | | Sesi | Ketiga (YouTube) | Sila lihat arahan yang dinyatakan dalam **'Cara untuk mengawal atau memadam kuki'** di bawah. |

## 4. Cara untuk mengawal atau memadam kuki

Kami menggunakan kuki untuk memastikan anda boleh menggunakan Perkhidmatan dengan mudah dan menikmati Perkhidmatan. Sesetengah kuki ini adalah penting dan kami tidak boleh menyediakan Perkhidmatan kami tanpanya. Apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami buat kali pertama, kami akan memberi anda notis yang memaklumkan anda tentang cara kami menggunakan kuki, sebab kami menggunakannya dan cara anda boleh menukar jenis kuki yang anda terima. Anda berhak untuk memilih sama ada untuk menerima kuki tidak perlu atau tidak dan kami telah menerangkan cara anda boleh menggunakan hak ini di bawah. Jika anda memilih untuk menolak kuki tertentu atau data penting lain yang disimpan secara setempat, anda mungkin tidak dapat menggunakan kefungsian penuh Perkhidmatan.

Kebanyakan peranti (dalam kes aplikasi mudah alih) dan pelayar (dalam kes aplikasi web dan halaman) membolehkan anda menukar tetapan kuki anda. Tetapan ini biasanya akan ditemui dalam menu "pilihan" atau "keutamaan" pelayar anda. Ini membolehkan anda mengawal tetapan kuki anda supaya anda boleh:

- melihat kuki atau data lain milik anda yang disimpan setempat dan boleh dipadamkan secara individu;
- menyekat kuki pihak ketiga atau teknologi yang serupa;
- menyekat kuki atau teknologi yang serupa dari laman web tertentu;
- menyekat tetapan semua kuki atau teknologi yang serupa; atau
- memadam semua kuki atau teknologi yang serupa apabila anda menutup pelayar anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai cara mengurus pelayar popular, sila lihat di bawah. Jika tidak, anda harus menggunakan pilihan "Bantuan" dalam pelayar anda untuk maklumat lanjut.

- Tetapan kuki dalam Chrome untuk web dan Android
- Tetapan kuki dalam Safari web dan iOS.
- Tetapan kuki dalam Internet Explorer
- Tetapan kuki dalam Firefox

Memadam kuki atau teknologi yang serupa bermakna apa-apa tetapan keutamaan yang telah anda buat di laman web akan hilang. Jika anda telah menetapkan keutamaan anda untuk tidak memilih kuki, tetapan ini juga akan hilang, kerana maklumat tersebut disimpan dalam kuki. Menyekat semua kuki atau teknologi yang serupa bermakna kefungsian di Perkhidmatan kami akan hilang, seperti yang diterangkan di atas. Kami tidak mengesyorkan untuk menyahaktifkan semua kuki atau teknologi yang serupa semasa menggunakan Perkhidmatan kami kerana kami tidak dapat menjamin bahawa pengalaman anda di Perkhidmatan kami adalah sebaik mungkin.

**Cara untuk tidak memilih penggunaan kuki pihak ketiga**

Jika anda ingin mengurangkan tetapan anda pada bila-bila masa (contohnya, jika anda menerima semua kuki, tetapi kemudian memutuskan anda tidak mahu jenis kuki tertentu) anda perlu menggunakan tetapan pelayar anda untuk mengalih keluar sebarang kuki pihak ketiga atau teknologi serupa yang diletakkan pada kunjungan anda sebelumnya. Untuk tidak memilih penggunaan kuki Google Analytics, tambahan pelayar Chrome tersedia.

5. **Pindaan pada Dasar Kuki ini**

Kami akan mengemas kini Dasar Kuki ini untuk mencerminkan perubahan dalam amalan dan perkhidmatan kami. Apabila kami menyiarkan pindaan Dasar Kuki ini, kami akan meminda tarikh "*Terakhir Dikemas Kini*" di bahagian atas Dasar Kuki ini. Jika kami membuat apa-apa pindaan penting dalam cara kami mengumpul, menggunakan, dan/atau berkongsi maklumat yang disimpan dalam kuki, kami akan memberitahu anda dengan menyiarkan notis yang jelas tentang pindaan tersebut apabila anda log masuk atau menggunakan Perkhidmatan. Anda disarankan untuk menyemak halaman ini dari semasa ke semasa untuk mengambil maklum mengenai apa-apa pindaan dalam Dasar Kuki ini atau mana-mana dasar lain kami.

6. **Perlukan maklumat lanjut?**

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang kuki dan penggunaannya di Internet, anda mungkin mendapati pautan berikut berguna:

- Semua Tentang Kuki

7. **Kuki yang telah ditetapkan pada masa lalu**

Jika anda telah menyahaktifkan satu atau lebih kuki, kami masih boleh menggunakan maklumat yang dikumpulkan daripada kuki sebelum pilihan nyahaktif anda ditetapkan. Bagaimanapun, kami akan berhenti menggunakan kuki yang telah dinyahaktifkan untuk mengumpul apa-apa maklumat lanjut.

8. **Hubungi kami**

Jika anda ada sebarang soalan atau komen tentang Dasar Kuki ini, atau hal-hal privasi secara amnya, sila hubungi kami melalui e-mel di privacy@10chambers.com dan pegawai perlindungan data kami boleh dihubungi di privacy@10chambers.com.